

**PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA :  
SATU KAJIAN RINTIS PENDAPAT CENDEKIAWAN ZAKAT**

Oleh

**ZAHRI HAMAT**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

**FEBRUARI 2007**

## PENGHARGAAN

Segala pujian ke *hadarat* Allah s.w.t, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, salam kepada *ummu al-mukminin*, para sahabat, *tabi'in*, *tabi' al-tabi'in* dan seluruh umat Islam.

Penyelidik amat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan *inayah*-Nya kajian mengenai Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia ini dapat selesai. Penyelidik ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Prof. Muhammad Syukri Salleh sebagai penyelia utama dan Prof. Madya Yusserrie Zainuddin sebagai penyelia bersama yang tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan cadangan-cadangan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penyelidik ucapkan berbilang terima kasih kepada Prof. Madya Abdul Rahim Ibrahim, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Prof. Amir Hussin Baharuddin dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan di atas segala bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan. Begitu juga kepada Prof. Madya Hailani Muji Tahir dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Zakaria Bahari dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Dr. Mohamed Khairul Anuar Osman dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Ucapan terima kasih juga kepada semua sahabat dan pensyarah khususnya di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dan amnya di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia di atas segala galakan dan bantuan yang telah diberikan. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan kajian ini.

Akhir sekali, penyelidik merakamkan berbilang-bilang terima kasih kepada ibu yang tercinta, Halimah Jusoh; isteri, Norjan Ab. Muin dan anak-anak, 'Ariff, 'Adnin, 'Adli dan Fatin 'Alia yang sabar melayan pelbagai kerenah penyelidik yang sukar diduga sepanjang kajian ini dijalankan.

Wassalam.

Zahri Hamat  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
JUDUL	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
JADUAL TRANSLITERASI	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH	6
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	14
1.4 PERSOALAN KAJIAN	15
1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN	16
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	17
1.7 DEFINISI OPERASIONAL	19
1.7.1 Zakat	19
1.7.2 Perakaunan Zakat Perniagaan	20
1.8 ORGANISASI TESIS	20
<b>BAB 2 SOROTAN KARYA</b>	
2.1 PENDAHULUAN	22
2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS	22
2.3 SOROTAN KARYA	28
2.3.1 Konsep Harta Dalam Islam	29
2.3.2 Harta-Harta Yang Diwajibkan Zakat	34
2.3.3 Kaedah Perakaunan Zakat Harta	36
2.4 KEPELBAGAIAN KAEDAH PERAKAUNAN ZAKAT HARTA	38

2.4.1	Hukum Zakat Berasaskan Ijtihad	39
2.4.2	Syarat-syarat Harta Diwajibkan Zakat	43
2.5	PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN	46
2.5.1	Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan	47
2.5.2	Masalah Perakaunan Zakat Perniagaan	49
2.6	APLIKASI QIYAS DI DALAM PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN	52
2.6.1	'Illah Kefardhuan Zakat	53
2.6.2	Kaedah Mendapat Pendapatan Sebagai 'Illah	54
2.7	KERANGKA KONSEP KAJIAN	56
2.8	KESIMPULAN	58

### **BAB 3 METODOLOGI DAN METOD KAJIAN**

3.1	PENGENALAN	60
3.2	METODOLOGI KAJIAN BERTERASKAN ISLAM	60
3.3	METOD KAJIAN YANG DIPAKAI	62
3.3.1	Sumber Pertama: Al-Qur'an	63
3.3.2	Sumber Kedua: Al-Sunnah	65
3.3.3	Sumber Ketiga: Al-Ijma' Ulama'	68
3.3.4	Sumber Keempat : Al-Qiyas	70
3.4	KAJIAN LAPANGAN	72
3.4.1	Kajian Rintis	72
3.4.2	Responden Kajian	73
3.4.3	Kaedah Pengumpulan Data	80
3.5	METOD ANALISIS DATA	83
3.6	KESIMPULAN	85

### **BAB 4 PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA**

4.1	PENGENALAN	86
4.2	ISU-ISU UTAMA PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA	87
4.2.1	Pelarasan Zakat dan Cukai Perniagaan	90
4.2.2	Dasar Perakaunan Bagi Penyediaan Penyata Kewangan	93
4.2.3	Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan	94
4.3	PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA	97
4.3.1	Data Di Dalam Penyata Kewangan	97
4.3.2	Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia	100

4.3.3	Asas Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia	102
4.3.4	Penyeragaman Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia	104
4.4	ASET SEMASA YANG DIKENAKAN ZAKAT	105
4.4.1	Kategori Pertama: Stok Barangan Perniagaan	106
4.4.2	Kategori Kedua: Hutang, Deposit dan Pendahuluan	109
4.4.3	Kategori Ketiga: Pelbagai Hutang dan Pendahuluan	111
4.4.4	Kategori Keempat: Sekuriti Niaga dan Pelaburan	113
4.4.5	Kategori Kelima: Tunai, Simpanan dan Pelaburan di Bank	114
4.5	LIABILITI SEMASA YANG DIKECUALIKAN ZAKAT	116
4.5.1	Kategori Pertama: Hutang, Deposit dan Pendahuluan	117
4.5.2	Kategori Kedua: Pelbagai Hutang dan Pendahuluan	119
4.5.3	Kategori Ketiga: Bayaran dan Peruntukan Cukai	121
4.5.4	Kategori Keempat: Bayaran dan Peruntukan Dividen	123
4.5.5	Kategori Kelima: Pinjaman Jangka Pendek	124
4.6	PENILAIAN KE ATAS ASET SEMASA	126
4.6.1	Hutang Perniagaan	127
4.6.2	Stok Barangan Perniagaan	129
4.6.3	Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan	129
4.7	KESIMPULAN	131

## **BAB 5 ASAS-ASAS PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA**

5.1	PENGENALAN	132
5.2	TAFSIRAN HARTA DI DALAM AL-QUR'AN	133
5.3	HARTA-HARTA YANG DIWAJIBKAN ZAKAT	136
5.4	PENENTUAN KADAR ZAKAT HARTA	140
5.5	MAKNA BARANGAN PERNIAGAAN	143
5.6	KEDUDUKAN BARANGAN SEPARA SIAP	147
5.7	PERKEMBANGAN HUKUM ZAKAT MELALUI IJTIHAD	150
5.8	KESIMPULAN	153

## **BAB 6 PERUBAHAN DALAM PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN**

6.1	PENGENALAN	155
6.2	KAEDAH PERAKAUNAN ZAKAT HARTA DAN PERUBAHAN	155
6.3	KAEDAH PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN PERUBAHAN	161
6.3.1	Kaedah Modal Kerja	162
6.3.2	Kaedah Modal Kerja dan Kehendak Syara'	164

6.3.3	Kaedah Berasaskan Keuntungan	167
6.4	PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN APLIKASI QIYAS	169
6.4.1	Aplikasi Qiyas dan <i>'Illah</i>	170
6.4.2	Aplikasi Qiyas dan Perubahan <i>'Illah</i>	172
6.4.3	Kaedah Mendapatkan Pendapatan dan <i>'Illah</i> Zakat Perniagaan	175
6.4.4	Kadar Zakat Berasaskan Pendapatan	178
6.5	KESIMPULAN	181

## **BAB 7 PENUTUP**

7.1	PENGENALAN	183
7.2	RINGKASAN DAPATAN KAJIAN	184
7.3	IMPLIKASI KAJIAN	190
7.3.1	Menyeragamkan Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan	191
7.3.2	Meneroka Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan	192
7.4	KAJIAN MASA HADAPAN	194
7.4.1	Sampel Kajian	194
7.4.2	Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan	194
7.4.3	Syarikat Perlombongan Milik Kerajaan	195

<b>BIBLIOGRAFI</b>	197
--------------------	-----

## **LAMPIRAN**

Lampiran A : Soal Selidik 1, Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia	212
Lampiran B : Soal Selidik 2, Asas-Asas dan Perubahan Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia	219

## SENARAI RAJAH

### RAJAH

### MUKA SURAT

Rajah 2.1 : Kerangka Konsep Kajian

57

Rajah 3.1 : Model Analisis Data

84



## SENARAI JADUAL

JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 3.1: Profil Responden	75
Jadual 3.2: Tahap Pendidikan Responden	80
Jadual 4.1 : Undang-Undang Zakat di Malaysia	88
Jadual 4.2: Data Yang Mencukupi dan Kaedah Mendapatkan Data	98
Jadual 4.3: Tahap Pendidikan dan Data Di Dalam Penyata Kewangan	100
Jadual 4.4: Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia	101
Jadual 4.5 : Panduan Kaedah Perakaunan Zakat Perniagaan	103
Jadual 4.6 : Kaedah Modal Kerja Diselaraskan	105
Jadual 4.7 : Stok Barangan Perniagaan	106
Jadual 4.8 : Hutang, Deposit dan Pendahuluan	110
Jadual 4.9 : Pelbagai Hutang dan Pendahuluan	111
Jadual 4.10 : Sekuriti Niaga Pelaburan	114
Jadual 4.11 : Tunai, Simpanan dan Pelaburan Di Bank	115
Jadual 4.12 : Hutang, Deposit dan Pendahuluan	118
Jadual 4.13 : Pelbagai Hutang dan Pendahuluan	120
Jadual 4.14 : Bayaran dan Peruntukan Cukai	122
Jadual 4.15 : Bayaran dan Peruntukan Dividen	123
Jadual 4.16 : Pinjaman Jangka Pendek	125
Jadual 4.17 : Penilaian Barangan Perniagaan	128
Jadual 4.18 : Penilaian Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan	130
Jadual 5.1 : Harta Di Dalam Al-Qur'an Berbentuk Umum	134
Jadual 5.2 : Persetujuan Terhadap Pembahagian 5 Kategori Harta Yang Dijadikan Zakat	137
Jadual 5.3 : Penentuan Kadar Zakat	140
Jadual 5.4 : Hanya Barangan Perniagaan Dijadikan Zakat	145
Jadual 5.5 : Barangan Perniagaan Separa Siap Bukan Barangan Perniagaan	148
Jadual 5.6 : Perkembangan Hukum Zakat Berasaskan Ijtihad	150
Jadual 6.1 : Persepsi Terhadap Bentuk Ketiga	158
Jadual 6.2 : Perakaunan Zakat Berasaskan Kaedah Modal Kerja	162
Jadual 6.3 : Kaedah Modal Kerja Yang Paling Tepat	165
Jadual 6.4 : Perakaunan Zakat Berasaskan Keuntungan	167
Jadual 6.5 : Perubahan 'Illah dan Faktor-Faktor Semasa	171
Jadual 6.6 : Perubahan 'Illah Dalam Aplikasi Qiyas	173

Jadual 6.7 : Kaedah Untuk Mendapatkan Pendapatan Sebagai <i>'Illah</i>	175
Jadual 6.8 : Kadar Zakat Berasaskan Pendapatan	179

## JADUAL TRANSLITERASI

Bacaan	Huruf Arab	Transliterasi
`alif	ا	-
Ba	ب	b
Ta	ت	t
tha	ث	th
Jim	ج	j
ha`	ح	h
kha`	خ	kha
Dal	د	d
Dhal	ذ	dh
Ra`	ر	r
Zay	ز	z
Syin	ش	sy
Sad	ص	s
Dad	ض	d
ta`	ط	t
za`	ظ	z
'ayn	ع	'
Ghayn	غ	gh
fa`	ف	f
Qaf	ق	q
Kaf	ك	k
Lam	ل	l
Mim	م	m
Nun	ن	n
Waw	و	w
ha`	ه	h
Hamzah	ء	a/a`
ya`	ي	y
ta`	ة	t

Bagi huruf *ta al-marbutat* (ة) yang sepatutnya ditulis dengan transliterasi (*t* - digariskan di bawahnya) tidak dapat digunakan disebabkan sistem transliterasi yang digunakan tidak dapat menyokong penggunaan seperti itu. Dengan itu, ia digantikan dengan (*t*-diberi titik di bawahnya) sama seperti penggunaan transliterasi bagi huruf *ta`* (ط). Untuk mengelak kekeliruan dalam penyebutan dan membezakannya dengan huruf *ta`* (ط), maka penggunaan *ta al-marbutat* (ة) yang diberi titik di bawah (*t*) hanya terdapat di akhir setiap perkataan misalnya, *'unud al-tijarat*.

## SENARAI KEPENDEKAN

AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
ACP	Akta Cukai Pendapatan
APB	Accounting Principles Board
FASB	Financial Accounting Standard Board
FAS	Financial Accounting Standard
GAAP	General Accounting Accepted Practice
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LOFSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan
LUZAM	Lembaga Urusan Zakat Malaysia
MAIAM	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MFK	Majlis Fatwa Kebangsaan
MFN	Majlis Fatwa Negeri
MIA	Institut Akauntan Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
STS	Sistem Taksir Sendiri

**PERAKAUNAN ZAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA:  
SATU KAJIAN RINTIS PENDAPAT CENDEKIAWAN ZAKAT**

**ABSTRAK**

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kajian lapangan telah dijalankan melalui temu bual dan soal selidik dengan menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia, iaitu kaedah aset semasa, kaedah modal kerja dan kaedah modal kerja yang diselaraskan. Majoriti negeri mengamalkan kaedah yang ketiga, iaitu kaedah modal kerja yang diselaraskan. Menurut cendekiawan zakat, ketidakseragaman kaedah ini berlaku kerana asas-asas yang dipakai dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah berbentuk umum. Dengan itu, kaedah perakaunan zakat perniagaan telah dibentuk berdasarkan ijtihad. Para cendekiawan zakat juga bersetuju bahawa perubahan ke atas kaedah perakaunan zakat perniagaan dibenarkan kerana kaedah tersebut dibentuk bukan berdasarkan nas *qat'i*. Malah melalui aplikasi *qiyas*, para cendekiawan berpandangan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan berasaskan pendapatan boleh juga diamalkan sebagai satu kaedah alternatif. Dapatan kajian ini membawa kepada dua implikasi. Pertama, oleh sebab masih terdapat kepelbagaian kaedah perakaunan zakat perniagaan di Malaysia, maka perlu diadakan perbincangan dan pembentukan dasar sama ada di peringkat negeri atau di peringkat Persekutuan untuk menyeragamkan kaedah perakaunan zakat perniagaan ini. Kedua, oleh kerana terdapat pelbagai jenis perniagaan sekarang, maka para ilmuwan Islam dari semasa ke semasa perlu meneroka kaedah-kaedah perakaunan zakat perniagaan secara inovatif supaya ia bersesuaian dengan pelbagai jenis perniagaan tersebut.

## **BUSINESS ZAKAT ACCOUNTING IN MALAYSIA: A PILOT STUDY OF VIEWS BY ZAKAT SCHOLARS**

### **ABSTRACT**

This thesis intends to analyze and explore the accounting methods of business zakat which are practised in Malaysia. To achieve this purpose, a fieldwork was conducted either by way of face-to-face interview with the respondents or by distributing the questionnaires to be filled by them. The sampling technique used is the purposive sampling technique. The findings of the study reveal that there are three accounting methods of business zakat currently being practised in Malaysia, namely, the current asset method, the working capital method, and the adjusted working capital method. The method adopted by the majority of the states is the adjusted working capital method. According to the zakat scholars, this ununiformity of methods happens because the bases which are used to formulate the accounting method of business zakat are general in nature. Thus, it follows that the accounting method of business zakat adopted have actually been established based on *ijtihad*. The zakat scholars also agree that changes to the accounting methods of business zakat are allowed since those methods are not based on *nas qat'i*. Thus, by applying the *qiyas*, the scholars feel that the accounting method of business zakat based on income can also be accepted as an alternative method. The findings of this study have two implications. First, since the study has revealed that there is still some degree of ununiformity in the application of accounting method of business zakat in Malaysia, efforts should be made by responsible authorities, either at the state level or the federal level, to find ways to standardize the accounting method for business zakat. Second, in view of many different types of businesses that exist today, there is an urgent need for the Islamic scholars to continue to explore innovatively newer Islamic accounting methods so as to be able to deal with these various businesses.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Pada zaman Rasulullah s.a.w., kekayaan dan kemiskinan wujud secara beriringan di kalangan umat Islam khususnya di Madinah.<sup>1</sup> Namun begitu, kekayaan dan kemiskinan pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak menimbulkan sebarang konflik. Ia berlaku kerana golongan miskin bersifat redha dengan kemiskinan, tidak bergantung dan tidak menyusahkan masyarakat. Golongan kaya pula bersifat pemurah, gemar memberi dan membantu (Muhammad Syukri Salleh, 2000: 67).<sup>2</sup> Selain itu, ia mungkin juga kerana sistem percukaian dan kewangan negara yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. Sistem percukaian dan kewangan ini telah dimulakan selepas Baginda berhijrah ke Madinah. Pada masa itu sumber utama pendapatan negara ialah zakat dan *sadaqat* (Sibly Maros dan Ku 'Azam Tuan Lonik, 2000: 225).

Selain itu, terdapat beberapa sumber pendapatan negara yang lain. Antaranya ialah *jizyah*, iaitu cukai yang dikenakan ke atas semua orang bukan Islam yang tinggal di negara Islam; *kharaj*, iaitu cukai yang dikenakan ke atas tanah pertanian milik bukan orang Islam; *'usyur*, iaitu cukai perniagaan yang dijalankan di negara Islam; *ghanimat*, iaitu harta yang diperolehi daripada musuh melalui peperangan; dan *al-fay'*, iaitu harta yang diperolehi daripada musuh tanpa peperangan (Zulkornain Yusof, 1994: 31 - 34).

---

<sup>1</sup> Menurut Muhammad Syukri Salleh (2000), dalam kajian-kajian lazim, kemiskinan biasanya dilihat dengan kaca mata prasangka dan prejudis, seolah-olah tidak ada langsung kebaikan di dalam kemiskinan. Sebaliknya, beliau berpandangan, kemiskinan harus diteliti dengan baik sangka, objektif dan terbuka. Pengertian dan hikmah kemiskinan perlu difahami semula dengan menggali dan meneliti nas-nas Islam serta mengkaji dan menganalisis kewujudan kemiskinan dalam sejarah kehidupan umat Islam. Untuk huraian secara terperinci, sila lihat, Muhammad Syukri Salleh, 2000.

<sup>2</sup> Sifat-sifat ini diberi keutamaan oleh Rasulullah s.a.w. Beliau pernah bersabda bahawa sesiapa yang mempunyai unta yang berlebihan hendaklah memberikannya kepada orang yang tidak mempunyai unta, sesiapa yang mempunyai wang yang lebih hendaklah memberi kepada orang yang tidak berwang, sesiapa yang mempunyai makanan untuk dua orang hendaklah menjemput orang yang ketiga sebagai tetamu dan jika makanan itu untuk empat orang hendaklah dia menjemput orang kelima atau keenam sebagai tetamu (Afzalur-Rahman, 1994a: 123 - 124).



Daripada sumber-sumber pendapatan ini, zakat merupakan antara yang terpenting. Ia merupakan rukun Islam yang ketiga. Imam Bukhari melaporkan, Rasulullah s.a.w.<sup>3</sup> ketika mengutuskan Muadh b. Jabal<sup>4</sup> ke Yaman berpesan yang bermaksud:

“Ajaklah mereka bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Aku adalah utusan Allah, jika mereka mentaatinya maka hendaklah engkau memberitahu mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas mereka solat lima waktu sehari semalam. Maka jika mereka mentaatinya, hendaklah engkau memberitahu mereka bahawa Allah memfardhukan kepada mereka menunaikan zakat pada harta mereka. Harta itu diambil dari orang kaya dan diberikan kepada orang miskin di kalangan mereka” (al-Bukhari, No. 478).

Menguatkuasakan kefardhuan zakat sebagai rukun Islam yang ketiga telah dilaksanakan secara tegas di awal pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq<sup>5</sup> misalnya, semasa menghadapi golongan yang enggan membayar zakat telah membuat keputusan memerangi golongan tersebut.<sup>6</sup> Di samping itu, peraturan dan kaedah perakaunan zakat telah digubal dari semasa ke semasa supaya ia selari dengan suasana dan keperluan pada masa itu. Ini berlaku baik di zaman Khulafa' al-Rasyidin, di zaman sahabat mahu pun di zaman tabi'in (Abu al Hassan Sadeq, 1994: 30). Penggubalan peraturan dan kaedah perakaunan zakat

---

<sup>3</sup> Beliau ialah Muhammad b. Abdullah b. Abdul Mutalib b. Hashim b. Abdul Manaf. Dilahirkan pada hari Isnin, 12 Rabiul Awwal pada Tahun Gajah. Pada tahun itu Abrahah al-Asyram telah menyerang kota Makkah dengan tujuan untuk menawan dan memusnahkan Ka'abah. Abrahah telah mengalami kegagalan (Muhammad Said Ramadan, 1988: 55 - 56).

<sup>4</sup> Beliau ialah Muadh b. Jabal Amar bin Aus al-Khazraj. Gelaran beliau ialah Abi Abdul Rahman. Seorang yang faqih di kalangan sahabat. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: “Beliau adalah antara orang yang paling alim dengan perkara halal dan haram.” Beliau meninggal dunia pada tahun 18H ketika berusia 33 tahun (Subhi Salih, 1993: 373 - 374).

<sup>5</sup> Beliau ialah Abdullah b. Abu Qahafah berasal dari suku Taim. Sebelum memeluk Islam beliau terkenal dengan nama Abdul Ka'abah. Abu Bakar al-Siddiq merupakan seorang sahabat yang berjaya dalam perniagaan sebelum menjadi khalifah. Beliau meninggal dunia pada tahun 13H ketika berumur 63 tahun setelah menjadi Khalifah selama 2 tahun (Majid Ali Khan, 1998: 1 - 35).

<sup>6</sup> Ketegasan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq boleh didapati dari percakapan beliau dengan Umar al-Khattab, katanya; “Demi Allah! Aku akan memerangi orang yang membezakan antara solat dengan zakat kerana zakat itu hak harta.” Kebenaran keputusan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq diakui oleh Umar al-Khattab, katanya; “Demi Allah! Apabila aku melihat Allah membuka hati Abu Bakar untuk berperang, maka aku yakin itu adalah benar”. Teks penuh Hadith berkenaan, sila lihat, Abu Dawud, No. 1551.

telah menjadi perbahasan yang berterusan di kalangan fuqaha'. Bekas Syeikh al-Azhar, Syeikh Mahmud Syaltut menyatakan:

“Betapa sedih dan pilunya hati apabila sahaja kita dapati bahawa jurang perbezaan antara para pemerintah dan fuqaha' dalam melaksanakan kewajipan zakat ini begitu luas sekali, seperti yang kita dapati dalam kitab-kitab fiqh dan juga kitab-kitab tentang hukum agama. Sebagai contohnya, fuqaha' ini mengenakan zakat atas hasil pertanian yang diusahakan oleh manusia dan fuqaha' yang lain pula enggan mengenakan zakat, kecuali ke atas beberapa jenis hasil pertanian yang tertentu sahaja. Fuqaha' ini mengenakan zakat ke atas semua barangan perniagaan dan yang lain pula enggan mengengakannya. Kewajipan zakat ini perlulah didedahkan kepada kaum Muslimin supaya mereka menganggap bahawa kewajipan menunaikan zakat itu sama dengan kewajipan menunaikan solat” (dipetik dari Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal, 2000: 231).

Menurut Muhammad Abdul Mun'im Al-Jammal (2000: 232), punca utama para fuqaha' berbeza pendapat mengenai peraturan dan kaedah perakaunan zakat ialah kerana perbezaan pengertian perkataan harta seperti yang terdapat di dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud:<sup>7</sup>

“Ambillah (sebahagian) dari harta (*amwal*) mereka menjadi sedekah (zakat), (supaya dengannya) engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui” (al-Taubah, 9: 103).

Harta yang disebut di dalam al-Qur'an adalah berbentuk umum, namun harta-harta yang diwajibkan zakat telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui Sunnah (Yusuf

---

<sup>7</sup> Perkataan harta ialah terjemahan daripada perkataan Arab, iaitu *amwal*. Perkataan *amwal* boleh juga diterjemahkan sebagai kekayaan (*wealth*). Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

“Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan reyai-reyai pun (cukup untuk menyiraminya) dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan” (al-Baqarah, 2: 265).

al-Qaradawi, 1999: 220).<sup>8</sup> Berdasarkan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. inilah para fuqaha' telah mengelaskan harta-harta yang diwajibkan zakat kepada lima jenis harta. Harta-harta tersebut meliputi *al-'ayn*, iaitu emas dan perak, *al-tijarat*, iaitu perniagaan, *al-harth*, iaitu pertanian, *al-mashiyyat*, iaitu ternakan, dan *al-rikaz*, iaitu hasil bumi (Wahbah al-Zuhaili, 1994: 849). Peraturan dan kaedah perakaunan zakat ke atas setiap jenis harta tersebut juga telah ditentukan oleh Rasulullah s.a.w.

Bagaimanapun, sekiranya suasana dan keperluan semasa berubah, peraturan dan kaedah perakaunan zakat akan turut berubah. Misalnya, kuda pada masa Rasulullah s.a.w. dikecualikan daripada zakat. Pada masa Rasulullah s.a.w. kuda digunakan hanya untuk peperangan dan pengangkutan. Sebaliknya, semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab kuda telah diternak secara komersial, maka kuda telah dikenakan zakat (Afzalur-Rahman, 1994b: 207). Begitu juga Umar al-Khattab mewajibkan zakat ke atas kacang, buah zaitun, madu dan hasil laut yang tidak diwajibkan zakat sebelum itu (Mujaini Tarimin, 1999: 44 - 45).

Menilai semula jenis kekayaan yang dikenakan zakat seperti yang diamalkan oleh Khalifah Umar al-Khattab boleh digunakan untuk sepanjang zaman. Walau bagaimanapun, menurut Syed Othman Alhabshi (2001: 3), perakaunan zakat ke atas semua kekayaan yang tidak terdapat pada masa dahulu haruslah diqiyaskan kepada salah satu dari lima jenis harta yang telah ditentukan oleh para fuqaha', iaitu emas dan perak, perniagaan, pertanian, ternakan, dan hasil bumi.

Daripada lima jenis harta ini, zakat perniagaan merupakan salah satu zakat yang penting. Zakat perniagaan telah pun diwajibkan pada masa Rasulullah s.a.w. lagi. Namun masih banyak syarikat perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam tidak

---

<sup>8</sup> Di dalam buku-buku terjemahan, al-Qaradawi dieja dengan al-Qardawi atau al-Qardhawi. Sebenarnya ia merujuk kepada penulis yang sama, iaitu Yusuf al-Qaradawi.

menunaikannya. Di Malaysia misalnya, hampir 80 peratus syarikat perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam tidak menunaikan zakat perniagaan. Walaupun begitu, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang bagi mewajibkan setiap syarikat milik orang Islam membayar zakat perniagaan. Pendekatan yang diambil ialah mendidik bagi meningkatkan kesedaran pemilik-pemilik syarikat untuk membayar zakat (Helmi Mohd. Foad, 2002). Pendekatan ini sedikit sebanyak agak berkesan, misalnya kesedaran pemilik syarikat untuk membayar zakat perniagaan telah meningkat (MAIWP, 2002: 93). Di Wilayah Persekutuan contohnya, jumlah pungutan zakat perniagaan telah bertambah daripada 15.4 juta (2004) kepada 20.1 juta (2005), iaitu kenaikan sebanyak 30.5 peratus (MAIWP, 2005: 47).

Selain daripada itu, masih berlaku kepelbagaian dalam kaedah perakaunan zakat perniagaan. Ia juga berlaku di Malaysia. Berikutan dengan itu, satu kaedah perakaunan zakat perniagaan telah dicadangkan hasil daripada perbincangan selama dua tahun yang melibatkan pakar di bidang syariah, perakaunan dan profesional.<sup>9</sup> Namun begitu, kaedah tersebut masih belum diterima oleh beberapa cendekiawan Islam di Malaysia. Malah kaedah dicadangkan hanya memberi manfaat kepada perniagaan yang memperoleh keuntungan. Ia berlaku kerana bayaran zakat perniagaan dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan pada kadar 2.5 peratus daripada pendapatan agregat. Hal ini memerlukan satu kajian. Oleh yang demikian, tujuan tesis ini ialah untuk mengkaji dan menilai pelbagai kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia.

---

<sup>9</sup> Di kalangan pembentang kertas kerja yang telah mengemukakan pendapat tentang kaedah taksiran zakat perniagaan ini ialah Barjoyai Bardai (2001) dan Syed Othman Alhabshi (2001).

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Mengikuti Sunnah Rasulullah s.a.w., zakat perniagaan diwajibkan hanya ke atas barangan perniagaan. Ia berasaskan Hadith Rasulullah s.a.w. seperti yang dilaporkan oleh Abu Dawud daripada Samurah b. Jundub yang bermaksud:

“Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami supaya mengeluarkan zakat ke atas barangan yang disediakan untuk dijual” (Abu Dawud, No. 1557).<sup>10</sup>

Menurut Sayyid Sabiq (1985: 19), sesuatu barangan dikategorikan sebagai barangan perniagaan sekiranya barangan tersebut diperoleh melalui perniagaan dan diniatkan untuk tujuan perniagaan semasa barangan itu diperoleh. Walaupun begitu, Abdul Karim Zaidan (1999: 68) dengan memetik pendapat Imam Ahmad berkata bahawa sesuatu barangan dikategorikan sebagai barangan perniagaan hanya sekadar dengan niat.

Bagi maksud kaedah perakaunan zakat perniagaan pula, barangan perniagaan sepatutnya dinilai berasaskan harga pasaran yang sah pada masa zakat diwajibkan tanpa melihat kepada harga belian.<sup>11</sup> Kaedah ini tidak menimbulkan sebarang masalah bagi perniagaan yang hanya terbabit dalam urusan jual beli barangan yang

---

<sup>10</sup> Dilaporkan oleh Daruqutni dan Abu Dawud melalui Jaafar b. Sa'ad daripada sumber Khabib b. Sulaiman b. Samurah daripada sumber ayahnya Samurah b. Jundub. Ibn Human mengatakan Hadith tersebut adalah Hadith Hasan. Begitu juga menurut Ibn Abdil Bar. Namun begitu, Ibn Hajar mengatakan sanad Hadith ini tidak cukup kuat. Ibn Hazm menyerang sanad Hadith ini kerana Ja'afar Ibn Sa'ad, Khabib Ibn Sulaiman Ibn Samurah dan ayahnya Sulaiman tidak dikenal. Bagaimanapun, Syeikh Ahmad Syakir membantah. Mereka dikenal kerana disebut oleh Ibn Hibban dalam *al-Thiqat*. Al-Zahabi memetik daripada Ibn Hibban di mana tidak seorang pun mengetahui siapa mereka sedangkan para ahli Hadith sudah berusaha keras menyelidikinya, padahal sanad itu meriwayatkan banyak Hadith. Abdul Haq Azdi mengatakan bahawa Khabib lemah dan Ja'afar tidak cukup dipercayai. Justeru itu, sanad itu tidak benar dan tidak boleh dijadikan sumber hukum. Begitulah ulasan yang telah dibuat oleh Yusuf al-Qaradawi (1999: 302) mengenai kedudukan Hadith tersebut.

<sup>11</sup> Disepakati oleh Shafi'e, Ahmad, Abu Ubayd, Daruqutni, Baihaqi daripada Abu 'Amr Ibn Hammas melaporkan dari bapanya menyebut bapanya menjual kulit dan bekas anak panah. Suatu hari Umar al-Khattab melewati hadapan saya dan berkata: Keluarkan zakat ke atas kekayaan engkau. Saya menjawab: Saya tidak mempunyai apa-apa selain dari bekas anak panah dan beberapa lembar kulit. Kata Umar: Nilai harga dan keluarkan zakatnya (Abu 'Ubayd, 1991: 362).

telah siap (Zahri Hamat, 2004c: 162). Namun begitu, kaedah ini akan menimbulkan masalah kepada syarikat yang mengilang sendiri barangan yang dijual,<sup>12</sup> perniagaan yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan<sup>13</sup> dan perniagaan yang terlibat dalam pembangunan hartanah.<sup>14</sup>

Barangan perniagaan separa siap yang masih dalam bentuk kerja-kerja dalam proses bagi syarikat yang mengilang sendiri, kerja-kerja dalam pelaksanaan bagi syarikat yang terlibat dalam pembinaan dan tanah yang masih belum dibangunkan bagi syarikat yang terbabit dalam pembangunan hartanah bukan merupakan barangan perniagaan.<sup>15</sup>

Dengan itu, barangan perniagaan separa siap seperti kerja-kerja dalam proses, kerja-kerja dalam pelaksanaan dan tanah yang masih belum dibangunkan adalah tidak diwajibkan zakat.<sup>16</sup>

---

<sup>12</sup> Bagi syarikat yang mengilang sendiri barangan yang dijual, maka dalam proses pengilangan tersebut akan ada stok barangan perniagaan separa siap atau stok kerja-kerja dalam proses dan stok bahan mentah.

<sup>13</sup> Bagi perniagaan yang terbabit dalam kerja-kerja pembinaan yang tempoh penyiapan yang panjang juga mempunyai stok barangan perniagaan. Stok tersebut mungkin terdiri dari kerja-kerja dalam pelaksanaan yang belum sedia untuk dijual. Untuk huraian terperinci, sila lihat Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB), No. 7.

<sup>14</sup> Hal yang sama berlaku kepada pembangunan hartanah. Syarikat mempunyai stok dalam bentuk tanah yang masih belum dibangunkan. Sekiranya tanah itu dibeli dengan niat untuk dijual, maka tanah tersebut merupakan barangan perniagaan. Sebaliknya, tanah tersebut dibeli bukan diniatkan untuk dijual semula tetapi diniatkan untuk pembangunan hartanah seperti projek perumahan ataupun kompleks perniagaan dan akan dijual hanya setelah kerja-kerja tersebut siap. Ia bukan merupakan barangan perniagaan.

<sup>15</sup> Harta-harta ini belum sedia untuk dijual. Namun, ia boleh dikenakan zakat sekiranya dilihat dari dua sudut. Pertama, kerana ketika membeli harta tersebut telah diniatkan untuk tujuan perniagaan; dan kedua, keutamaan dan kepentingan golongan miskin harus diberi perhatian dan haknya. Walau bagaimanapun tindakan itu harus dibuat secara berhati-hati supaya pada masa yang sama ia tidak menzalimi pemilik kekayaan (Abdullah Ibrahim, 1997: 52).

<sup>16</sup> Sekiranya barangan ini hendak dikeluarkan zakat, maka ia perlu dinilai berasaskan harga pasaran pada masa zakat diwajibkan tanpa melihat kepada harga kos yang terlibat. Sekiranya penilaian mengikut harga pasaran begitu sukar pada masa itu, maka Ibn Rusyd menyebut bahawa bagi memudahkan perkiraan zakat, sebahagian ulama' fiqh mengatakan bahawa zakat dikira dari harga belian atau harga kos bukan pada harga waktu itu boleh dipakai (dipetik dari Yusuf al-Qaradawi, 1999: 320).

Walau bagaimanapun, dilaporkan daripada Maimun b. Mahran di dalam *Kitab al-Amwal* menyebut bahawa zakat perniagaan sepatutnya dikenakan ke atas modal kerja bagi sesuatu perniagaan bukan hanya ke atas barangan perniagaan. Maimun b. Mahran melaporkan seperti berikut:

“Apabila sudah tiba waktu kamu mengeluarkan zakat, kiralah berapa jumlah wang tunai yang ada pada mu, kira berapa nilai barangan perniagaan yang kamu miliki, kemudian dinilai keseluruhan barangan tersebut dengan nilai wang tunai, dan kiralah hutang yang dapat dijelaskan (yang diberi persetujuan untuk dibayar),<sup>17</sup> dan tolaklah hutang yang perlu dijelaskan, kemudian keluarkanlah zakat bakinya” (Abu ‘Ubayd, 1991: 362).

Berdasarkan kepada kaedah tersebut, terdapat empat langkah yang perlu diambil dalam membuat taksiran zakat perniagaan. Pertama, kira semua wang tunai yang ada pada masa itu; kedua, kira barangan perniagaan yang dimiliki pada masa itu dan kemudian nilai keseluruhan barangan perniagaan tersebut berasaskan mata wang; ketiga, kira berapa jumlah hutang sebenar yang pasti dapat dipungut daripada pihak pemberi hutang; keempat, kira jumlah hutang yang perlu dibayar dan seterusnya menjumlahkan tunai, nilai barangan perniagaan dan hutang yang akan diterima, kemudian menolak hutang yang perlu dibayar. Zakat dikenakan pada kadar 2.5% ke atas baki yang dikenali sebagai modal kerja perniagaan.

Selain dari kaedah tersebut, terdapat juga beberapa kaedah lain. Di Malaysia misalnya, paling tidak terdapat tiga kaedah (Mohamed Abdul Wahab et al., 1995: 353

---

<sup>17</sup> Hutang perniagaan dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu hutang yang dapat dijelaskan dan hutang yang tidak dapat dijelaskan. Hutang yang dapat dijelaskan ialah hutang daripada seseorang yang mengaku berhutang dan mampu menjelaskannya atau yang tidak mengaku berhutang tetapi ada bukti ke atas hutang itu. Sekiranya dibawa ke mahkamah, maka keputusan akan memihak kepadanya. Hutang yang tidak dapat dijelaskan ialah hutang yang ada pada seseorang yang tidak mengaku berhutang dan tidak terdapat apa-apa bukti mengenai hutang tersebut. Hutang tidak dapat dijelaskan merangkumi juga hutang pada seseorang yang mengakui berhutang tetapi sentiasa menangguhkan pembayaran, atau berada di dalam keadaan kesempitan kewangan sehingga tidak mampu menjelaskannya. Hutang yang tidak dapat dijelaskan adalah tidak wajib dikeluarkan zakat kecuali setelah hutang tersebut benar-benar diterima (Abdul Karim Zaidan, 1999: 93 - 94).

- 354). Pertama, zakat perniagaan hanya dikenakan ke atas aset semasa.<sup>18</sup> Kaedah perakaunan ini diamalkan di negeri Perak, Kedah dan Kelantan. Kedua, zakat perniagaan dikenakan ke atas aset semasa dicampurkan dengan keuntungan daripada pelaburan.<sup>19</sup> Kaedah ini diamalkan oleh Baitulmal Perlis dan Lembaga Tabung Haji. Ketiga, zakat dikenakan ke atas keuntungan perniagaan dicampurkan dengan modal kerja.<sup>20</sup> Kaedah ini diamalkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Ketiga-tiga kaedah perakaunan ini memberi kesan secara langsung kepada jumlah zakat perniagaan yang akan dikenakan.

Bagi tujuan menyelaraskan kepelbagaian kaedah ini, satu Konvensyen Zakat Kebangsaan telah diadakan pada 18 hingga 19 September 2001 dengan tujuan berikut:<sup>21</sup>

- i. Membantu pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Sekretariat Pusat Zakat Negeri-negeri dalam usaha menyelaraskan pengiraan zakat di antara negeri-negeri di Malaysia.

---

<sup>18</sup> Aset semasa ialah wang tunai atau aset lain yang mudah ditukarkan kepada wang tunai, yang boleh dijual atau digunakan dalam pembuatan barang pada tempoh yang terpanjang antara satu tahun perakaunan atau satu kitaran kendalian. Misalnya pelaburan sementara, akaun belum terima, inventori dan belanja bayar dahulu (Takhiah Mohd. Iskandar, 1991: 19). Bagi maksud perakaunan zakat, nilai barangan perniagaan dikira berasaskan harga pasaran. Zakat dikenakan pada kadar 2.5% sekiranya mencukupi nisab.

<sup>19</sup> Bagi maksud perakaunan zakat, nilai barangan perniagaan dikira berasaskan harga pasaran dan bukan pada harga kos. Zakat dikenakan pada kadar 2.5% sekiranya mencukupi nisab.

<sup>20</sup> Modal kerja ialah aset semasa ditolak liabiliti semasa. Liabiliti semasa ialah tanggungan yang perlu dijelaskan dalam tempoh terpanjang antara satu tempoh perakaunan atau satu kitaran kendalian (Takhiah Mohd. Iskandar, 1991: 136). Zakat perniagaan akan dikenakan ke atas jumlah tersebut pada kadar 2.5% sekiranya mencukupi nisab.

<sup>21</sup> Konvensyen Zakat Kebangsaan yang bertemakan Menjana Potensi Zakat Perniagaan Dalam Era Ekonomi Baru ini telah diadakan pada 18 - 19 September 2001, secara khusus bagi memperkenalkan dan memberi kefahaman tentang kaedah perakaunan zakat perniagaan yang lebih praktikal, komprehensif dan menepati syara'. Konvensyen Zakat Peringkat Negeri juga turut diadakan. Misalnya, bagi negeri Pahang telah diadakan pada 27 - 28 Februari 2002 dan Melaka pada 16 - 17 Mei 2003.



- ii. Mendorong dan menyedarkan syarikat-syarikat korporat dan profesional tentang kewajipan mengeluarkan zakat.
- iii. Memperkenalkan dan memberi kefahaman tentang kaedah pengiraan zakat perniagaan yang lebih praktikal, komprehensif dan menepati syara'.
- iv. Mendapat maklum balas daripada golongan korporat dan profesional tentang implikasi kaedah kiraan zakat perniagaan yang baru bagi memantapkannya.

Syed Mohd. Ghazali Wafa (2001: 11 - 12) dalam kertas kerjanya di konvensyen tersebut mencadangkan dua kaedah perakaunan zakat perniagaan. Pertama, kaedah modal berkembang, iaitu mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan, sumber pembiayaan dan dibuat pelarasan bagi item tertentu. Kedua, kaedah modal kerja, iaitu mengambil kira kedudukan aset semasa perniagaan ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan bagi item tertentu. Kedua-dua kaedah yang dikemukakan Syed Mohd. Ghazali Wafa ini sebenarnya adalah merupakan kaedah yang telah dipersetujui oleh pakar di bidang Syariah, perakaunan dan profesional di beberapa bengkel dan persidangan anjuran Pusat Zakat Selangor.<sup>22</sup>

Namun begitu, tidak semua pihak bersetuju dengan kedua-dua kaedah yang dicadangkan ini. Syed Othman Alhabshi (2001: 4 - 5) misalnya, berpendapat perniagaan barangan adalah berlainan daripada perniagaan yang melibat kepakaran.

---

<sup>22</sup> Pakar-pakar yang terbabit ialah Zainuddin Jaafar - Pengerusi (ketika itu dari Kolej Islam Selangor Darul Ehsan), Abdullah Ibrahim (Institut Agama Islam Negeri Kedah), Hailani Muji Tahir (Universiti Kebangsaan Malaysia), Mohd. Bakar Daud (Universiti Islam Antarabangsa), Mohd. Mokhtar Safie (Ahli Majlis Syariah Selangor), Nasir Hj. Masud (Kolej Islam Selangor Darul Ehsan), Mohd. Salleh Ahmad (Universiti Malaya), Syed Musa al-Habshi (Universiti Islam Antarabangsa), Hassan Hj. Ahmad (Mufti Pulau Pinang), Abdul Majid Omar (Timbalan Mufti Selangor) dan Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (Universiti Kebangsaan Malaysia).

Kaedah perakaunan zakat perniagaan barangan boleh menggunakan sama ada kaedah modal berkembang atau modal kerja, manakala bagi perniagaan yang melibatkan kepakaran, ia mempunyai ciri-ciri pelaburan. Kaedah perakaunan zakat perniagaan yang bercirikan pelaburan hendaklah diqiyaskan kepada kaedah perakaunan zakat pertanian.

Sementara Barjoi Bardai (2001: 29) pula berpendapat perlunya diwujudkan satu set penyata kewangan, khususnya penyata untung rugi yang khas untuk tujuan membuat taksiran zakat perniagaan kerana wujudnya pelbagai bentuk dan jenis perniagaan. Menurut beliau lagi, perniagaan yang berbentuk perdagangan, zakat dikenakan ke atas barangan perniagaan atau modal kerja, manakala bagi perniagaan yang berbentuk perkilangan, perladangan dan perkhidmatan, zakat boleh dikenakan ke atas keuntungan.<sup>23</sup>

Kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di dalam bidang perbankan juga adalah pelbagai. Bank Utama Berhad misalnya, mencadangkan tiga kaedah. Pertama, berasaskan modal kerja. Kedua, berasaskan keuntungan. Ketiga, berasaskan modal berkembang. Ketiga-tiga kaedah ini boleh digunakan mengikut kesesuaian sesuatu perniagaan.<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Isu ini telah dibangkitkan oleh Yusuf al-Qaradawi (1999: 450). Menurut beliau, pendapatan daripada perkilangan boleh dizakatkan pada kadar 5 atau 10 peratus sama seperti kadar zakat pertanian. Ia adalah selaras dengan pendapat yang telah dikeluarkan oleh Muhammad Abu Zahrah, Abdul Wahab Khallaf dan Abdul Rahman Hasan (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003: 327 - 328).

<sup>24</sup> Kaedah Pertama (berasaskan Lembaran Imbangan)  
(Aset semasa bersih - Liabiliti semasa yang dibenarkan + Pelaburan jangka pendek) x peratus milikan saham Muslim x 2.5% (Kadar Zakat)

Kaedah Kedua (berasaskan Penyata Untung dan Rugi)  
Keuntungan selepas cukai x Peratus milikan saham Muslim x 2.5% (Kadar Zakat)

Kaedah Ketiga (berasaskan Lembaran Imbangan)  
(Dana pemegang saham - Aset tetap + keuntungan selepas cukai x peratus milikan saham Muslim x 2.5% (Kadar Zakat)

Untuk huraian terperinci, sila rujuk, <http://www.bankutama.com.my/bankutama.html>, diakses pada 14 Januari 2003.

Sebenarnya, masalah utama berlakunya kepelbagaian kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah disebabkan oleh tafsiran ke atas perkataan '*urud al-tijarat*' yang bermakna barangan perniagaan (Yusuf al-Qaradawi, 1999: 298; Mohamed Abdul et al., 1995: 354). Paling tidak terdapat tiga tafsiran terhadap perkataan '*urud al-tijarat*' ini. Pertama ialah tafsiran yang mengatakan '*urud al-tijarat*' sebagai aset semasa. Kedua ialah tafsiran yang mengatakan '*urud al-tijarat*' merangkumi aset semasa dan keuntungan daripada pelaburan. Ketiga ialah tafsiran yang mengatakan '*urud al-tijarat*' sebagai modal kerja dan keuntungan tahunan. Oleh kerana kaedah perakaunan zakat perniagaan dibuat berdasarkan tafsiran perkataan '*urud al-tijarat*' itu sendiri, maka adalah sukar bagi memastikan tafsiran yang mana paling menepati kehendak syara' tanpa membuat penyelidikan yang mendalam (Zahri Hamat, 2001d: 60).

Oleh yang demikian, tesis ini berhasrat untuk meneliti tentang kepelbagaian kaedah perakaunan zakat perniagaan dengan mengkhusus kepada kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Penyelidik berpendapat, perbincangan ke atas kaedah perakaunan zakat perniagaan ini mempunyai ruang lingkup yang terbuka. Paling tidak ia berdasarkan kepada enam alasan berikut:

- i. Ayat al-Qur'an (al-Baqarah, 2: 267)<sup>25</sup> yang dijadikan hujah tentang kewajipan zakat perniagaan adalah berbentuk umum daripada segi aplikasinya. Ayat ini tidak menjelaskan kaedah perakaunan zakat perniagaan.

---

<sup>25</sup> Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, keluarkan zakat sebahagian dari 'hasil usaha kamu' yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu" (al-Baqarah, 2: 267).

- ii. Hadith Rasulullah s.a.w. yang dilaporkan oleh Abu Dawud menyebut bahawa hanya barangan yang disediakan untuk perniagaan sahaja yang diwajibkan zakat.<sup>26</sup> Ia telah disokong oleh beberapa Hadith lain.
- iii. Dilaporkan bahawa Maimun b. Mahran seorang tabi'in melaporkan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah berasaskan kepada modal kerja (Abu Ubayd, 1991: 362). Ia merupakan satu perubahan dalam kaedah perakaunan zakat perniagaan.
- iv. Dilaporkan bahawa Abu Ishaq al-Shatibi berpendapat bahawa zakat barangan perniagaan hanya dikenakan setelah barangan perniagaan itu dijual. Zakat dikenakan pada harga jualan dan setelah melampau satu tahun (Muhammad Khalid Masud, 1977: 128). Ia bermaksud bahawa pendapatan boleh dijadikan asas dalam kaedah perakaunan zakat perniagaan.
- v. Dilaporkan bahawa Ibn 'Abbas berpendapat tidak mengapa untuk menunggu sehingga barangan perniagaan dijual dan kemudian zakat dikenakan pada harga tersebut (Abu 'Ubayd, 1991: 362). Taksiran zakat perniagaan juga adalah berasaskan pendapatan.
- vi. Dilaporkan bahawa kandungan surat Khalifah Umar Abdul Aziz telah menyebut bahawa tidak boleh dipungut zakat ke atas keuntungan para peniaga sehingga ia melampaui tempoh satu tahun.<sup>27</sup> Malah ada di

---

<sup>26</sup> Maksudnya: "Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami supaya mengeluarkan zakat ke atas barangan yang disediakan untuk dijual" (Abu Dawud, No. 1557).

<sup>27</sup> Dilaporkan dari Ibn 'Awn, seorang sahabat telah berkata kepada aku: "Kamu telah berada di sini, adakah kamu telah mendengar kandungan surat 'Umar 'Abd al-Aziz tentang keuntungan daripada peniaga-peniaga di mana isi surat tersebut menyebut tidak boleh dipungut zakat ke atas keuntungan peniaga sehingga ia melampaui tempoh satu tahun" (Abu 'Ubayd, 1999: 355).

kalangan fuqaha' berpendapat bahawa zakat dikecualikan ke atas operasi perniagaan pada tahun-tahun yang mengalami kerugian (Barjoyai Bardai, 2001: 23).

Semua alasan di atas mempamerkan bahawa kaedah perakaunan zakat perniagaan adalah tidak *rigid*. Al-Qur'an menyebut kewajipan zakat perniagaan dalam bentuk umum (al-Baqarah, 2: 267). Hadith Rasulullah s.a.w. kemudian menjelaskan barangan perniagaan yang diwajibkan zakat. Maimun b. Mihran memperkenalkan kaedah modal kerja. Pendapat Abu Ishaq al-Shatibi, Ibn Abbas dan Khalifah Umar Abdul Aziz pula mempamerkan bahawa kaedah pendapatan juga boleh dipakai. Ia merupakan satu perubahan ke atas perkembangan kaedah perakaunan zakat perniagaan.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengenalpasti dan menganalisis secara sistematik kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia;
- ii. Menganalisis pandangan cendekiawan-cendekiawan zakat di Malaysia tentang asas-asas yang dipakai dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan;

- iii. Menganalisis pandangan cendekiawan-cendekiawan zakat di Malaysia tentang perubahan yang boleh dibuat dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan.
- iv. Mencadangkan satu pendekatan alternatif kepada kaedah perakaunan zakat perniagaan.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan kepada huraian masalah yang telah disebut di atas, maka kajian ini akan meneliti persoalan-persoalan berikut:-

- i. Apakah kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia?
- ii. Apakah wujud ketidakseragaman dalam mengiktiraf aset semasa yang diwajibkan zakat dan liabiliti semasa yang dikecualikan daripada zakat?
- iii. Apakah pandangan responden terhadap harta yang terdapat di dalam al-Qur'an, harta-harta yang diwajibkan zakat dan kadar zakatnya?
- iv. Apakah pandangan responden tentang barangan perniagaan yang diwajibkan zakat yang telah disebut di dalam al-Qur'an?
- v. Apakah pandangan responden terhadap perkembangan hukum zakat melalui kaedah ijtihad?

- vi. Apakah pandangan responden tentang perubahan kaedah perakaunan zakat harta?
- vii. Apakah pandangan responden tentang perubahan kaedah perakaunan zakat perniagaan?
- viii. Apakah pandangan responden tentang perubahan kaedah perakaunan zakat perniagaan berasaskan pendapatan berdasarkan aplikasi qiyas?
- ix. Apakah pandangan responden ke atas cadangan kaedah perakaunan zakat perniagaan berasaskan pendapatan sebagai satu kaedah pendekatan alternatif?

## **1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Di dalam melaksanakan kajian ini, skop dan batasan penyelidikan adalah seperti berikut:-

- i. Batasan jenis zakat: Kajian ini hanya meneliti kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- ii. Batasan negeri: Pihak berkuasa zakat yang dipilih hanya dihadkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- iii. Batasan responden: Responden dihadkan kepada hanya dua kategori. Kategori pertama ialah pegawai yang bertanggungjawab dalam perakaunan zakat perniagaan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Kedua ialah golongan pakar dalam bidang zakat, pakar dalam bidang Syariah, ahli akademik dalam bidang zakat, pakar dalam bidang ekonomi, Mufti dan pengurus pusat pungutan zakat.

- iv. Batasan pembinaan model: Kajian ini tidak bertujuan untuk membina apa-apa model baru perakaunan zakat perniagaan. Yang akan dicadangkan hanya satu pendekatan alternatif.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian mengenai perakaunan zakat perniagaan di Malaysia penting kerana sekurang-kurangnya dua sebab. Pertama, kajian-kajian sebelum ini hanya memfokuskan kepada pengurusan zakat. Mohd Nor Ngah (1988) misalnya mengkaji tentang institusi dan perundangan zakat di negeri Pahang. Wahairi Mahmud (2002) pula melihat kesan penubuhan pusat pungutan zakat juga di negeri Pahang. Bitizela Mohd. Bidin (2002) meneliti tentang konsep dan pengurusan zakat saham amanah.

Di samping itu, terdapat juga beberapa kajian tentang zakat pertanian dan zakat pengajian. Mujaini Tarimin (1999) misalnya, mengkaji kedudukan zakat pengajian daripada perspektif hukum dan amalan semasa. Abdul Aziz Muhammad (1993) pula mengkaji amalan zakat pertanian di kalangan petani-petani di Malaysia. Terdapat juga beberapa kajian dalam bidang zakat perniagaan. Mamat Said (2001) misalnya, mengkaji tentang amalan zakat perniagaan di Lembaga Tabung Haji. Ahmad Othman (2002) pula mengkaji tentang dasar penilaian ke atas harta perniagaan yang diwajibkan zakat di Malaysia.

Lanjutan daripada kajian Mamat Said dan Ahmad Othman tersebut, kajian ini cuba mengenalpasti kaedah perakaunan zakat yang diamalkan di negeri-negeri di



Malaysia. Kajian ini juga meneliti pandangan daripada cendekiawan-cendekiawan zakat di Malaysia ke atas asas-asas yang dipakai dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan tersebut.

Dengan itu, dapatan kajian akan memberi manfaat secara langsung kepada pihak terbabit dengan pengurusan zakat terutamanya kepada pihak berkuasa seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIAM) di setiap negeri dan pusat-pusat pungutan zakat di dalam membuat perakaunan zakat perniagaan masing-masing.

Kedua, selain daripada kajian tentang dasar penilaian ke atas harta perniagaan, terdapat juga beberapa kajian tentang kaedah perakaunan zakat perniagaan. Namun begitu, kajian-kajian tersebut hanya memfokuskan kepada dua kaedah sahaja. Kaedah pertama ialah kaedah modal kerja, manakala kaedah kedua ialah kaedah modal berkembang (Muhammad Kamal 'Atiyah, 1995: 182). Dengan kata lain, kaedah pertama ialah kaedah aset bersih, manakala kaedah kedua ialah kaedah dana pelaburan (AAOIFI, 1998: 283 - 284). Oleh sebab itu, kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berkisar ke atas dasar penilaian harta zakat perniagaan hanyalah untuk kedua-dua kaedah tersebut. Antaranya ialah kajian oleh Shaari Hamid, Craig dan Clarke (1996), Rohila Awang dan Rashidah Abdul Rahman (2002) dan Ahmad Othman (2002).

Berikutan dengan itu, maka kajian ini cuba menilai semula pelbagai kaedah yang boleh digunakan di dalam perakaunan zakat perniagaan. Di samping itu, kajian ini juga cuba menonjolkan kaedah pendapatan sebagai satu kaedah alternatif. Oleh yang demikian, dapatan kajian akan memberi ruang kepada negeri-negeri di Malaysia di dalam menilai semula kaedah perakaunan zakat perniagaan masing-masing. Dengan kata lain, dapatan kajian boleh memberi implikasi yang bermakna kepada kaedah perakaunan zakat perniagaan yang sedang diamalkan.

## **1.7 DEFINISI OPERASIONAL**

Bagi memudahkan perbincangan, dua konsep penting diberikan definisi secara operasional mengikut kajian ini. Konsep pertama ialah zakat, dan konsep kedua ialah perakaunan zakat perniagaan. Berikut diuraikan definisi operasional konsep-konsep tersebut.

### **1.7.1 Zakat**

Zakat dalam bahasa Arab bermaksud pertambahan, penyucian dan keberkatan (Sayyid Sabiq, 1985: 1). Mengikut istilah, zakat bermakna mengeluarkan kadar tertentu daripada harta yang tertentu kepada orang yang berhak menerimanya (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003: 3; Yusuf al-Qaradawi, 1999: 34). Zakat juga bermakna suatu hak yang wajib dikeluarkan daripada harta yang telah ditetapkan oleh syari'at (Abdul Karim Zaidan, 1999: 4).

Lebih daripada itu, zakat bermaksud penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredhaan Allah, penyucian diri dan harta untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syara' (Mujaini Tarimin, 1999: 5).

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa zakat mempunyai tiga konotasi. Pertama, zakat dari segi bahasa bermakna pembersihan atau penyucian daripada kekotoran. Kedua, zakat dari segi agama bermaksud penyucian kerohanian. Ketiga, zakat dari segi perundangan bermakna pemindahan hak milik harta tertentu kepada individu tertentu (Akbar Muhammad, 1980: 70). Definisi inilah yang dipakai di dalam kajian ini.

### **1.7.2 Perakaunan Zakat Perniagaan**

Perakaunan zakat di dalam bahasa Arab ialah *muhasabah al-zakat*. Dari segi istilah, perakaunan zakat ialah satu bidang ilmu perakaunan untuk menentu dan menilai harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadarnya, membuat taksiran zakat yang dikenakan dan memungutnya serta mengagihkan zakat yang dipungut kepada penerima zakat berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh syara' (Husain Shahatah, 2003: 194).

Proses perakaunan zakat melibatkan lima tahap. Pertama, menentukan harta-harta yang diwajibkan zakat. Kedua, menilai harta-harta yang diwajibkan zakat. Ketiga, menentukan kadar zakat yang sesuai. Keempat, mengagihkan pungutan zakat kepada penerima zakat. Kelima, menyediakan laporan kepada pihak berkuasa mengenai pungutan dan agihan zakat (Husain Shahatah, 2003: 194 - 195).

Definisi perakaunan zakat perniagaan yang dipakai di dalam kajian ini ialah proses mengenalpasti ciri-ciri harta perniagaan yang diwajibkan zakat, menentukan syarat-syarat harta yang diwajibkan zakat, memastikan kadar zakat yang dikenakan dan kemudian membuat taksiran zakat ke atas harta tersebut.

## **1.8 ORGANISASI TESIS**

Tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan tentang pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan-batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi tesis.

Bab kedua merupakan sorotan ke atas tulisan-tulisan tentang perakaunan zakat perniagaan. Sorotan tersebut meliputi harta-harta yang diwajibkan zakat, kaedah

perakaunan zakat perniagaan dan aplikasi qiyas dalam kaedah perakaunan zakat perniagaan.

Metodologi dan metod penyelidikan yang dipakai untuk kajian ini dibahaskan di dalam bab ketiga. Bab ini membahaskan tiga perkara. Pertama ialah metodologi kajian berteraskan Islam. Kedua ialah sumber-sumber kajian yang dipakai, iaitu al-Qur'an, Hadith, ijma' ulama', dan qiyas. Ketiga ialah tentang kajian lapangan yang dijalankan. Ia meliputi kaedah-kaedah perakaunan zakat perniagaan di Malaysia.

Analisis ke atas dapatan daripada kajian lapangan dibincangkan di dalam bab keempat, bab kelima dan bab keenam. Bab keempat menganalisis aset semasa yang diwajibkan zakat dan liabiliti semasa yang dikecualikan zakat. Objektif pertama kajian akan dijawab di dalam bab ini. Bab kelima menganalisis pandangan responden tentang-tentang asas-asas yang digunakan dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan di Malaysia. Bab ini akan menjawab objektif kedua kajian. Bab keenam pula ialah menganalisis pandangan responden tentang perubahan yang boleh dibuat dalam membentuk kaedah perakaunan zakat perniagaan melalui aplikasi qiyas. Bab ini pula akan menjawab objektif ketiga dan keempat kajian.

Akhirnya, bab ketujuh adalah merupakan bab penutup dan kesimpulan daripada keseluruhan tesis ini. Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama merupakan ringkasan keseluruhan kajian ini. Bahagian kedua membahaskan implikasi kajian. Bahagian ketiga pula merupakan cadangan untuk penyelidikan masa depan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Di dalam bab kedua ini, penyelidik membuat sorotan ke atas tulisan-tulisan terdahulu mengenai perakaunan zakat perniagaan. Di dalam al-Qur'an, perakaunan zakat perniagaan hanya disebut dalam bentuk umum. Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan perakaunan zakat perniagaan tersebut dalam bentuk yang lebih spesifik. Para fuqaha' Islam kemudian memperkembangkan perakaunan zakat perniagaan dengan lebih mendalam di dalam tulisan masing-masing.

Perakaunan zakat perniagaan sebenarnya adalah sebahagian daripada perakaunan zakat harta. Dengan itu, perakaunan zakat perniagaan tidak mungkin difahami kecuali dengan memahami definisi harta dan perakaunan zakat harta. Sorotan karya ini dimulai dengan meneliti beberapa kajian lepas tentang zakat dan seterusnya menyorot pula definisi harta dan perakaunan zakat harta. Ini diikuti dengan sorotan ke atas kajian-kajian mengenai perakaunan zakat perniagaan dan akhirnya sorotan ke atas perubahan dalam perakaunan zakat perniagaan melalui aplikasi qiyas.

#### **2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan Hadith-Hadith Rasulullah s.a.w., para fuqaha' dari masa ke semasa telah mengkaji mengenai harta-harta yang diwajibkan zakat. Antara kajian klasik mengenai harta-harta yang diwajibkan zakat telah dibuat oleh Yahya Ibn Adam, Abu Yusuf dan Abu Ubayd. Yahya Ibn Adam (1967) telah menyusun Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang meliputi pelbagai jenis zakat dan percukaaian. Namun begitu, menurut Shemesh (1967: 17), hanya sekitar empat puluh buah Hadith sahaja yang

disusun oleh Yahya Ibn Adam ini terdapat di dalam 6 kitab Hadith yang masyhur seperti *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan Ibn Majah* dan *Sunan al-Tirmidhi*. Ia meliputi 6 Hadith daripada *Sahih Bukhari*, 10 Hadith daripada *Sahih Muslim*, 17 Hadith daripada *Sunan Abu Dawud*, 6 Hadith daripada *Sunan Ibn Majah* dan 2 Hadith daripada *Sunan al-Tirmidhi*. Tulisan Yahya Ibn Adam ini merupakan himpunan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. tanpa dibuat sebarang ulasan.

Abu Yusuf (1979) pula mengkaji persoalan dan sandaran bagi kewajipan zakat dan percukaian. Menurut Hasbullah Ali (2001: 244 - 245), Abu Yusuf telah merumuskan bahawa kewajipan zakat, cukai perlindungan dan rampasan perang (*ghanimat*) dibentuk berdasarkan al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. Sementara kewajipan cukai tanah, cukai pendapatan laut dan cukai tarif pula dibentuk berdasarkan *ijma'*, *qiyas*, pendapat sahabat dan *al-maslahah al-mursalah*.<sup>1</sup>

Selain Yahya Ibn Adam (1967) dan Abu Yusuf (1979), Abu Ubayd (1991) juga membahaskan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang meliputi pelbagai jenis zakat dan cukai. Kajian Abu Ubayd ini berbeza dengan apa yang telah diusahakan oleh Yahya Ibn Adam dan Abu Yusuf. Abu Ubayd telah membuat ulasan dan kemudian memberi pendapat ke atas sesuatu isu berasaskan Hadith-Hadith Rasulullah s.a.w. dan pendapat-pendapat fuqaha'. Menurut Noor Muhammad Ghifari (1991: xxvii), kajian Abu Ubayd merupakan sebuah kajian yang amat komprehensif tentang zakat dan cukai.

---

<sup>1</sup> Antara lain ialah cukai tarif dikenakan ke atas barangan dagangan yang diimport ke negara Islam. Tarif turut dikenakan ke atas barangan dagangan haram yang diperdagangkan oleh orang bukan Islam. Abu Yusuf menjelaskannya seperti berikut:

“Dikenakan cukai daripada peniaga Muslim sebanyak dua setengah peratus, pedagang zimmi sebanyak lima peratus dan pedagang asing sebanyak sepuluh peratus terhadap barangan dagangan yang mencukupi nilai dua ratus dirham. Jika nilai barangan dagangan tersebut kurang dua ratus dirham, maka ianya dikecualikan daripada cukai” (Abu Yusuf, 1979: 272).

Selain daripada Yahya Ibn Adam, Abu Yusuf dan Abu Ubayd yang memfokuskan kepada Hadith-Hadith Rasulullah s.a.w., terdapat juga ulama'-ulama' fiqh yang telah membahaskan persoalan zakat di dalam tulisan masing-masing. Antara lain tulisan daripada kalangan fuqaha' Hanafi ialah *al-Mabsut* oleh as-Sarakhsi, *Bada'i al-Sana'i* oleh al-Kasani, *Fath al-Qadir* oleh Ibn al-Humam. Tulisan daripada fuqaha' Maliki pula ialah *al-Mudawwanat al-Kubra* oleh Imam Malik b. Anas, *Bidayat al-Mujtahid* tulisan Ibn Rushd dan *al-Muntaqa* oleh Abul Walid Sulaiman al-Baji. Di kalangan fuqaha' Shafi'i antaranya ialah *al-Umm* oleh al-Imam Muhammad Ibn Idris as-Shafi'i, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh Abul Hasan al-Mawardi dan *al-Majmu'* oleh al-Nawawi. Sementara daripada fuqaha' Hanbali ialah *Mukhtasar al-Khiraqi* oleh Abul Qasim 'Umar Ibn Husain al-Khiraqi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh Abu Ya'la al-Hanbali, dan *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah al-Maqdisi.<sup>2</sup> Wahbah al-Zuhaili (1994), seorang ulama' kontemporari telah membuat analisis ke atas persoalan zakat berasaskan perbandingan keempat-empat *fiqh* di atas.

Daripada lingkungan luar ulama'-ulama' fiqh ini, terdapat juga beberapa kajian yang berkaitan dengan zakat. Antara yang terawal ialah Agnides (1969) yang membuat kajian tentang kewangan negara Islam. Beliau merumuskan bahawa sumber kewangan negara Islam boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu zakat yang dipungut daripada orang Islam, manakala *jizyah*, *kharaj* dan *ghanimat* yang dipungut daripada orang bukan Islam. Yang terkemudian ialah de Zayas (2003) yang mengkaji mengenai perundangan dan institusi zakat.<sup>3</sup> Beliau membincangkan isu-isu kontroversi berkenaan zakat menurut pendapat beberapa mazhab dan sumber-sumber daripada al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w.

---

<sup>2</sup> Untuk senarai terperinci kitab-kitab lain, sila rujuk Yusuf al-Qaradawi (1999: 742 - 744) dan Agnides (1969: 173 - 195).

<sup>3</sup> Tulisan de Zayas yang bertajuk *The Law and Philosophy of Zakah* ini telah diterbitkan di Damascus oleh Al-Jadidah Press pada tahun 1960.